

Maklumat Komoditi : Terung

Maklumat Umum

Terung atau nama saintifiknya *Solanum melongena* merupakan sejenis sayuran jenis buah yang amat digemari seluruh Negara. Di Malaysia, ia juga dikenali sebagai Terung Panjang atau Terung Bulat. Tanaman ini dipercayai berasal dari India, tetapi kini penanamannya terdapat di kawasan-kawasan beriklim tropika dan juga beriklim sederhana.

Terung adalah sejenis sayuran singkat masa dimana ia boleh mengeluarkan hasil seawal 65-70 hari selepas ditanam sehinggalah ia mencapai usia lebih 6 bulan. Tumbuhan ini merimbun dengan ketinggian 0.5-1.2m dan mempunyai buah yang berbentuk panjang atau bulat. Warna buahnya berbeza-beza mengikut varieti samaada putih, hijau ataupun ungu.

Selain digoreng dan dicelur, terung juga sering dijadikan campuran kedalam masakan kari, gulai lemak dan dalca. Ia juga sesuai dijadikan ulam untuk dimakan mentah. Komposisi zat pemakanan pada buah terung adalah seperti berikut:

Kesesuaian Tanaman

Kesesuaian Tanah

Tanaman Terung sesuai ditanam di kebanyakan jenis tanah di Malaysia. Pengurusan yang lebih rapi diperlukan sekiranya tanaman ini ditanam di tanah yang sederhana sesuai bagi mencapai potensi hasil yang menguntungkan. Sifat dan kesesuaian tanah bagi tanaman Terung adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1: Sifat dan Kesesuaian Tanah bagi Tanaman Terung.

Sifat Tanah	Kesesuaian Tanah	
	Sesuai	Sederhana Sesuai
Kecerunan	0-6°	6-12°
Saliran	- Tak sempurna salir ke agak tak sempurna salir. Paras naik turun air berada pada kedalaman 50-75 cm dari permukaan.	- Kurang salir ke agak salir. Paras naik turun air berada pada kedalaman 25-50 cm dari permukaan. - Sederhana salir ke salir. Paras naik turun air berada pada bawah 75 cm dari permukaan air tanah rendah.
Kedalaman tanah yang sesuai (ke lapisan padat/batu, asid sulfat)	≥ 50 cm	25-50 cm
Tekstur dan struktur	Kandungan liat : >18-35% atau kandungan liat : >35% dan tanah gembur.	Kandungan liat : 10-18% atau Kandungan liat : >35% dan agak padat.
Kemashinan	<0.5 dS/cm (Sangat rendah)	0.5-1.0 dS/cm (Rendah)

Sumber: Jabatan Pertanian, 2018

Penyediaan Tanah

Penyediaan Tanah

Bajak dan gemburkan tanah sedalam 15 hingga 22 cm (6 - 9 inci). Sediakan batas berukuran 1.2 m (48 inci) lebar dan 22 - 30cm (9 - 12 inci) tinggi. Panjang batas mengikut keadaan kawasan. Jarak antara batas ialah 45 cm (18 inci). Gaulkan tahi ayam reput ke dalam tanah sebanyak 50 kg bagi 50 meter persegi (500 kaki persegi).

Pengairan Dan Saliran

Menyiram

Siram tanaman pada awal pagi dan lewat petang setiap hari kecuali hari hujan.

Sistem Penanaman

Menyedia Anak Benih

Bagi tanaman di ladang, sediakan kotak semaian berukuran 45 cm (18 inci) panjang, 22 cm (9 inci) lebar dan 10 cm (4 inci) tinggi. Isikan kotak semaian dengan tanah campuran yang mengandungi 3 bahagian tanah, 1 bahagian tahi ayam reput dan 1 bahagian pasir.

Semai 3 g biji benih ke dalam kotak semaian secara barisan dan tutup benih dengan lapisan nipis tanah. Jarak antara barisan biji benih ialah 5 cm (2 inci) dan 2 cm (1 inci) antara biji benih. Siram dengan penyiram yang mempunyai semburan halus dua kali sehari. Kotak semaian mesti dilindungi cahaya matahari dan air hujan yang berlebihan.

Ubah anak benih ke ladang 3 hingga 4 minggu selepas disemai. Sebelum diubah ke ladang dedah anak benih kepada cahaya matahari yang penuh selama 3 hingga 4 hari untuk mengeraskannya.

Menanam

Anak benih yang berumur 3 hingga 4 minggu boleh diubah terus ke batas. Sebelum mencabut, basahkan kotak semaian supaya anak benih senang digali. Kemudian, gali anak benih dengan segumpal tanah dan tanam terus ke batas. Jarak tanaman ialah 90 cm (36 inci) antara pokok dan 60 cm antara baris.

Sungkupan

Gunakan rumput-rumput kering atau pelepah kelapa sebagai sungkupan.

Merumput

Bersihkan batas-batas daripada rumput rumpai dengan menggunakan tangan, cangkul atau tajak.

Menyedia Sokongan

Satu kayu sokongan sepanjang lebih kurang 1 meter (5 kaki) dipacak berdekatan tiap-tiap pokok. Dahan-dahan pokok diikat dengan tali rafia supaya buah terung tidak terkena permukaan tanah.

Sistem Pembajaan

Tabur baja NPK Blue Special (12:12:17:2) di keliling pokok dengan kadar 10 g sepokok setiap dua minggu.

Penuaian

MEMUNGUT HASIL

Mulalah memetik buah 6 minggu selepas mengubah. Pungutan hasil dibuat setiap 4 hari. Anggaran hasil ialah sebanyak 75 hingga 125 kg bagi 50 meter persegi.

Varieti

Bil.	Varieti
1	Terung Panjang
2	Terung Bulat
3	Terung Peparu Panjang Tanah Rendah